



مسجد باندري فوئرا
MASJID BANDAR SERI PUTRA

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putera,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Email: rizaatiq@ukm.edu.my

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat, 2025
Grafik dan ilustrasi © Abdullah Al-Marawi 2025

ISBN: 978-629-95226-3-8

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025

Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

Dicetak oleh:
Perusahaan Tukang Buku KM,
8, Jalan Puteri 2A/6,
Bandar Puteri, Bangi,
43000 Kajang

Sinopsis

Buku "Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul" mengupas inspirasi dan model pembangunan masyarakat berdasarkan prinsip yang diterapkan di Masjid Quba, masjid pertama yang didirikan oleh Rasulullah ﷺ. Buku ini menyoroti peranan masjid sebagai pusat perubahan sosial, ekonomi, dan spiritual dalam membentuk masyarakat unggul.

Penulis menguraikan bagaimana Masjid Quba bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga menjadi pusat pengembangan ilmu, musyawarah, serta memajukan ekonomi umat. Dengan mengambil pelajaran daripada fungsi dan peranannya di zaman Rasulullah ﷺ, buku ini menawarkan gagasan bagaimana masjid-masjid di zaman moden dapat mengambil pendekatan yang lebih holistik dan berdaya guna dalam kehidupan masyarakat masa kini.

Buku ini dibahagikan kepada beberapa bab yang membahas konsep masjid sebagai pusat pembinaan insan, model ekonomi berbasis masjid, serta strategi pengelolaan masjid yang profesional dan inklusif. Pembaca akan dibimbing untuk memahami bagaimana sebuah masjid dapat menjadi pemangkin bagi perubahan sosial dan pembangunan masyarakat yang lebih maju dan berdaya saing.

Buku ini ditujukan bagi para pengurus masjid, pemimpin masyarakat, ahli akademik, serta siapa saja yang berminat untuk melihat masjid bukan hanya sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat kebangkitan umat Islam. "Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul" menjadi rujukan penting dalam merancang masa depan masjid yang lebih progresif dan memberi impak bagi kehidupan masyarakat.

Kandungan

Bab1 Masjid Quba	1
1.1 Masjid yang didirikan atas dasar takwa	1
1.2 Keistimewaan Masjid Quba	2
1.3 Masjid Dirar yang didirikan atas dasar kemunafikan	2
 BAB 2 Sejarah Masjid Quba	 6
2.1 Perjalanan Hijrah	6
2.2 Sejarah Pembinaan Masjid Quba	8
 BAB 3 Falsafah Masjid Quba dalam Pembangunan Masjid Moden	 13
3.1 Asas Takwa dan Ikhlas	14
3.2 Asas Kebersihan dan Kesucian	15
3.3 Asas Perpaduan Umat Islam	16
 BAB 4 Penerapan Fungsi Masjid Quba dalam Masjid Hari Ini	 18
4.1 Dana Pembinaan dan Operasi Masjid	18
4.2 Masjid sebagai Pusat Ibadah	20
4.3 Masjid sebagai Pusat Pendidikan	21
4.4 Masjid sebagai Pusat Kebajikan	23
4.5 Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan	24
4.6 Masjid sebagai Pusat Ekonomi	25
4.7 Masjid sebagai Pusat Pendidikan Murabbi	26
4.8 Masjid sebagai Pusat Dakwah	27

BAB 5 Model Pengurusan Masjid “Quba” dan Penerapannya	29
5.1 Pengurusan Masjid yang Berkesan	29
5.2 Pendekatan Keterbukaan dan Penglibatan Masyarakat	32
5.3 Keterlibatan Masyarakat dalam Aktiviti Masjid	33
5.4 Menggalakkan Aktiviti Kebajikan dan Kemasyarakatan	36
5.5 Menggunakan Teknologi untuk Meningkatkan Keterlibatan Masyarakat	37
5.6 Sistem Pengurusan Masjid Secara Digital dan Cekap	39
 BAB 6 Masjid Mengupayakan Masyarakat Unggul	 53
6.1 Ramainya guru-guru cemerlang di sekolah-sekolah sekitar masjid	54
6.2 Ibu-bapa yang berkemahiran tinggi dalam mendidik anak-anak	55
6.3 Pembangunan usahawan yang unggul	59
6.4 Kolaborasi dengan institusi-institusi di sekitar masjid	63
6.5 Pusat ilmu dan penjana ilmu-ilmu baru	65
 BAB 7 Seruan Bertindak	 72
7.1 Ciri Utama Gagasan Masjid Quba	72
7.2 Seruan kepada Pengurusan Masjid dan Ahli Kariah	73
7.3 Visi Masjid Masa Hadapan	77

Bab1

Masjid Quba

1.1 Masjid yang didirikan atas dasar takwa

Sesiapa yang pergi umrah atau mengerjakan haji, lazimnya akan pergi ziarah ke Masjid Quba. Masjid ini merupakan masjid yang pertama dibina oleh Rasulullah ﷺ sendiri. Ketika Rasulullah ﷺ hijrah dari Mekah ke Madinah, beliau singgah di Quba beberapa hari. Lalu membina masjid ini. Jadi bagi Jemaah umrah atau haji, ziarah ke masjid ini menjadi pembangkit kenangan hijrahnya Rasulullah ﷺ. Di hadapan pintu utama masjid ini terdapat ayat Quran yang menyebutkan masjid ini.

لَّمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ

“...Sesungguhnya masjid (Quba) yang didirikan atas dasar takwa sejak hari pertama... “ (at-Taubah: 108)

Selepas Rasulullah ﷺ menetap di Madinah, ia pergi ke masjid ini setiap hari Isnin, Khamis dan Sabtu dan menunaikan solat dua rakaat. Selepas kewafatannya, sahabat-sahabat juga selalu mengunjungi masjid ini untuk menunaikan solat.

Mengenai masjid ini, Rasulullah ﷺ bersabda, *“Barang siapa berwuduk dari rumahnya lalu menuju Masjid Quba dan bersolat di dalamnya, maka baginya pahala seperti pahala umrah.” (Riwayat Ibnu Majah)*



1.2 Keistimewaan Masjid Quba

Kelebihan masjid ini menyebabkan masjid ini menjadi tumpuan kepada Jemaah umrah dan haji. Mereka datang dari jauh semata-mata untuk mengerjakan solat sunat dua rakat. Di samping kelebihan ini, ia mengingatkan kita titik mula pemerintahan Islam ialah dengan pembinaan masjid ini. Ia menjadi lambang kesatuan orang-orang muhajirin dan Ansar, iaitu orang-orang Mekah yang datang berhijrah dengan orang-orang Madinah. Ia juga menjadi lambang pembinaan masjid atas asas takwa.

1.3 Masjid Dirar yang didirikan atas dasar kemunafikan

Sebagai perbandingan, Masjid Dirar merupakan contoh masjid yang dibina bukan atas dasar takwa. **Masjid Dirar** dibina oleh

sekumpulan orang munafik di Madinah ketika zaman Rasulullah ﷺ. Mereka mendakwa bahawa tujuan pembinaan masjid tersebut adalah untuk membantu orang tua, orang sakit, atau mereka yang tidak mampu ke Masjid Quba dan Masjid Nabawi. Namun, niat sebenar mereka adalah untuk memecahbelahkan kesatuan umat Islam serta melemahkan kedudukan Nabi Muhammad ﷺ dan para sahabat.

Ketika pulang dari Perang Tabuk, Rasulullah ﷺ menerima wahyu daripada Allah menerusi ayat dalam surah at-Taubah yang mendedahkan niat jahat pembinaan masjid tersebut,

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ
وَإِزْوَاجًا لِّمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلُ ۚ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا
إِلَّا الْحُسْنَىٰ ۖ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ

“Dan (di antara orang munafik itu) ada orang yang membina masjid untuk menimbulkan kemudaratan (kepada orang Mukmin), untuk kekafiran, dan untuk memecahbelahkan orang Mukmin serta menunggu kedatangan orang yang telah memerangi Allah dan Rasul Nya sejak dahulu. Mereka bersumpah, 'Kami hanya menginginkan kebaikan,' padahal Allah bersaksi bahwa mereka berdusta.” (at-Taubah: 107)

Setelah turun ayat ini, Rasulullah ﷺ segera memerintahkan para sahabat supaya merobohkan dan membakar Masjid Dirar. Ini menunjukkan betapa seriusnya ancaman perpecahan umat, sehingga tindakan tegas segera diambil oleh Rasulullah ﷺ.


Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Peristiwa ini menunjukkan bahawa pembinaan dan pengurusan masjid mestilah atas dasar takwa dan keikhlasan, bukan untuk tujuan peribadi atau politik. Ia juga menunjukkan betapa pentingnya menjaga perpaduan dalam kalangan umat Islam dan menghindari segala bentuk tindakan yang boleh menyebabkan perpecahan.

Perbandingan antara **Masjid Quba** dan **Masjid Dirar**

Ciri	Masjid Quba	Masjid Dirar
Asas Pembinaan	Takwa kepada Allah	Untuk memecahbelahkan umat Islam
Peranan	Tempat ibadah, perpaduan dan ilmu	Pusat konspirasi kaum munafik
Tindakan Rasulullah ﷺ	Menggalakkan solat dan kunjungan	Dirobohkan atas perintah Allah

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul



Rekabentuk masjid pada zaman Rasulullah ﷺ

BAB 2

Sejarah Masjid Quba

2.1 Perjalanan Hijrah

Hijrah Nabi Muhammad ﷺ dari Makkah ke Madinah merupakan satu peristiwa besar yang terjadi pada tahun 622 Masihi. Peristiwa ini berlaku akibat permusuhan hebat kaum Musyrikin Quraisy terhadap umat Islam di Makkah. Rasulullah ﷺ dan para sahabat menghadapi penindasan, pemulauan, dan ancaman bunuh yang berterusan.

Kemuncaknya ialah apabila Kaum Quraisy merancang untuk membunuh Rasulullah ﷺ dengan mengirim wakil daripada setiap kabilah agar tanggungjawab pembunuhan dapat dibahagi bersama. Namun, Allah memberi perlindungan kepada Rasulullah ﷺ.

Lantas wakil-wakil setiap kabilah kaum Quraisy mengepung rumah baginda, Allah SWT melindungi Rasulullah ﷺ sehingga mereka tidak sedar ketika baginda keluar daripada rumahnya sambil membaca ayat al-Quran,

وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ

“Dan Kami jadikan sekatan di hadapan mereka, dan sekatan di belakang mereka, lalu Kami tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat”. (Yasin: 9)

Peristiwa ini terjadi setelah ramai para sahabat yang telah hijrah ke Madinah. Rasulullah ﷺ memilih sahabat karibnya, Abu Bakar al-

Siddiq r.a., sebagai teman hijrah. Ali bin Abi Talib r.a. pula diperintahkan oleh Rasulullah ﷺ untuk tidur di tempat tidurnya sebagai strategi bagi mengelirukan musuh yang mahu membunuh baginda. Selepas keluar rumah tanpa dikesan pasukan pembunuh yang sedang mengepung, Rasulullah ﷺ dan Abu Bakar menuju Madinah menggunakan laluan yang jarang digunakan orang ramai ke Madinah, bagi mengelak dijejaki oleh kaum Quraisy.

Dalam perjalanan, Rasulullah ﷺ dan Abu Bakar r.a. singgah selama tiga malam di **Gua Thur** untuk mengelakkan diri daripada dijejaki musuh. Ketika bersembunyi di gua itu, Kaum Quraisy hampir menemui mereka, tetapi Allah sekali lagi melindungi baginda dengan kehadiran labah-labah yang membina sarang di pintu gua dan burung merpati bertelur di situ. Ini menyebabkan musyrikin Quraisy yakin gua tersebut kosong. Abu bakar Ketika itu amat bimbang, kerana jika pasukan pembunuh Quraisy itu tunduk menjenguk, kedua mereka dapat dilihat. Rasulullah ﷺ menenangkan Abu Bakar dengan membacakan ayat Quran,

لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

*“Janganlah engkau bersedih, sesungguhnya Allah bersama kita.”
(at-Taubah: 40)*

Ketika bersembunyi di Gua Thur, Abdullah bin Abu Bakar mengintip pergerakan Quraisy di Makkah, manakala Asma' binti Abu Bakar menyediakan bekalan makanan untuk perjalanan hijrah.

Apabila menyedari Rasulullah ﷺ telah meninggalkan Mekah, kaum Quraisy menawarkan hadiah besar, iaitu 100 ekor unta kepada sesiapa yang berjaya menangkap mereka. Suraqah bin Malik, yang terkenal dengan kemahirannya mengesan jejak, berusaha

mengejar Rasulullah ﷺ dan Abu Bakar untuk mendapatkan hadiah tersebut.

Ketika Suraqah hampir menemui Rasulullah ﷺ dan Abu Bakar di kawasan padang pasir, kudanya secara tiba-tiba tersungkur dan jatuh. Setelah berulang kali mencuba dan gagal mendekati mereka, Suraqah menyedari ada sesuatu yang luar biasa berlaku. Dia merasakan ini sebagai satu petanda bahawa Rasulullah ﷺ dilindungi oleh kuasa Ilahi. Akhirnya, Suraqah menyeru Rasulullah ﷺ dengan suara damai, meminta keamanan dan perlindungan daripada baginda. Ia juga berjanji akan merahsiakan kedudukan dan laluan Rasulullah ﷺ daripada orang-orang Quraisy.

Rasulullah ﷺ menerima permohonan keamanan Suraqah, malah memberikan satu janji istimewa kepadanya berupa gelang kebesaran Raja Parsi diberikan kepadanya. Janji ini adalah wawasan yang jelas bahawa Islam akan berkembang luas, sehingga berjaya menakluk Empayar Parsi, suatu perkara yang ketika itu kelihatan mustahil.

Suraqah akhirnya memeluk Islam. Semasa zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Al-Khattab, Empayar Parsi berjaya ditakluk. Gelang kebesaran Raja Kisra berjaya diperoleh sebagai harta rampasan perang dan Umar r.a. sendiri memakaikan gelang itu kepada Suraqah bin Malik sebagai menunaikan janji Rasulullah ﷺ bertahun-tahun sebelumnya.

2.2 Sejarah Pembinaan Masjid Quba

Rasulullah ﷺ tiba di Quba pada hari Isnin, 8 Rabiulawal tahun 1 Hijrah (bersamaan 23 September 622 Masihi), setelah perjalanan

hijrah yang penuh cabaran. Ketibaan Rasulullah ﷺ di Quba disambut dengan penuh kegembiraan dan kerinduan oleh penduduk tempatan yang terdiri daripada kaum Ansar. Ramai penduduk Quba yang selama ini hanya mendengar tentang Rasulullah ﷺ, akhirnya berpeluang melihat sendiri wajah mulia baginda buat kali pertama. Rasulullah ﷺ menetap di rumah Kalthum bin al-Hadm, seorang tokoh Ansar, sepanjang empat hari beliau berada di Quba

Rasulullah ﷺ melihat sebidang tanah lapang milik Kalthum bin al-Hadm yang sangat strategik untuk mendirikan masjid. Tanah ini diberikan dengan ikhlas oleh Kalthum, menjadikan ia orang yang pertama mewakafkan tanah untuk membina masjid dalam Islam.

Kedudukan tanah itu amat strategik dan mudah dikunjungi oleh masyarakat setempat. Rasulullah ﷺ sendiri terlibat secara langsung dalam pembinaan masjid ini. Baginda bersama para sahabat Ansar dan Muhajirin saling bekerjasama membawa batu-bata, pasir, dan tanah untuk mendirikan masjid. Sikap tawaduk Rasulullah ﷺ jelas terlihat apabila baginda turut mengangkat batu dan bekerja bersama sahabat, sehingga ada sahabat yang merasa terharu melihat kerendahan hati baginda.

Struktur Masjid Quba pada awal pembinaannya adalah amat ringkas dan sederhana. Dinding masjid dibina daripada batu-bata tanah liat, manakala bumbungnya diperbuat daripada pelepah dan daun kurma. Lantai masjid pada asalnya diperbuat daripada pasir dan tanah, menunjukkan kesederhanaan binaan masjid pada zaman awal Islam.

Selepas siap membina masjid Quba, Rasulullah ﷺ meneruskan perjalanannya menuju Madinah. di Quba, Rasulullah ﷺ menetap di

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

sana selama empat hari, dari hari Isnin hingga Khamis. Pada pagi hari Jumaat, Rasulullah ﷺ bersama para sahabat meninggalkan Quba untuk meneruskan perjalanan menuju ke Madinah, jaraknya kira-kira 5 km dari Quba.



Contoh bentuk masjid di zaman Rasulullah ﷺ

Di pertengahan perjalanan antara Quba dan Madinah, Rasulullah ﷺ singgah di kawasan bernama **Wadi Ranuna (Wadi Raunah)**. Di sinilah Rasulullah ﷺ mendirikan solat Jumaat pertama dalam sejarah Islam bersama para sahabat. Lokasi ini kini dikenali sebagai **Masjid al-Jumu'ah** sebagai tanda peringatan solat Jumaat yang pertama dalam sejarah Islam.

Ketibaan Rasulullah ﷺ di Madinah sangat dinanti-nantikan oleh penduduk Madinah. Apabila baginda tiba di Madinah, penduduk menyambut baginda dengan penuh kegembiraan, bersyair dengan lagu sambutan yang terkenal hingga ke hari ini:

طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مِنْ ثَنِيَّاتِ الْوَدَاعِ

“Telah terbit bulan purnama kepada kami dari celah-celah bukit al-Wada’...”

Penduduk Madinah berharap Rasulullah ﷺ akan tinggal bersama mereka. Rasulullah ﷺ tidak memilih sendiri tempat tinggalnya, sebaliknya menyerahkan kepada unta tunggangan baginda untuk berhenti di mana-mana sahaja yang dikehendaki Allah. Akhirnya, unta tersebut berhenti di depan rumah Abu Ayyub Al-Ansari. Rasulullah ﷺ menetap di rumahnya selama kira-kira 7 bulan, sebelum rumahnya sendiri Masjid Nabawi siap dibina.


Kewujudan masjid Nabawi tidak menyebabkan masjid Quba hilang peranan. Ia tetap menjadi tempat ibadah utama penduduk tempatan yang mempunyai keistimewaannya tersendiri. Rasulullah ﷺ mengekalkan amalan ziarah ke Masjid Quba setiap minggu, biasanya pada hari Sabtu. Keistimewaannya berbanding dengan masjid-masjid lain telah dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ.

“Sesiapa yang bersuci dari rumahnya lalu pergi ke Masjid Quba dan solat di dalamnya, maka baginya pahala seperti mengerjakan umrah.” (Ibnu Majah)

Ini menyebabkan masjid ini masih menjadi tumpuan orang-orang datang umrah dan haji. Di samping itu ia telah menjalankan fungsinya sebagai pusat pengajian ilmu, pengajaran al-Quran, hadis, tafsir, fiqh, dan ilmu-ilmu agama tetap berjalan aktif. Ia kekal sebagai lambang perpaduan umat Islam antara kaum Muhajirin dan Ansar. Ia sentiasa menjadi tempat pertemuan komuniti setempat, memperkukuhkan ukhuwah Islamiah dalam masyarakat Madinah.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Masjid ini sentiasa menjadi pusat bantuan sosial, kebajikan, serta penyelesaian masalah masyarakat setempat. Ia berperanan aktif dalam menyantuni keperluan penduduk, khususnya golongan miskin dan memerlukan.



BAB 3

Falsafah Masjid Quba dalam Pembangunan Masjid Moden

Keistimewaan utama masjid Quba ialah ia diabadikan dalam al-Quran sebagai masjid yang didirikan atas dasar takwa. Allah SWT berfirman,

أَبْدَأَ ٱلْمَسْجِدَ أُسُسًا عَلَى ٱلتَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ ۚ
فِيهِ رَجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا ۚ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُطَهَّرِينَ

"Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar takwa sejak hari pertama adalah lebih layak kamu solat di dalamnya. Di dalamnya ada orang-orang yang ingin membersihkan diri, dan Allah menyukai orang-orang yang bersih." (At-Taubah: 108)

Ayat ini menunjukkan bahawa asas utama pembinaan Masjid Quba adalah keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah SWT, bukan untuk kepentingan duniawi atau tujuan politik.

Pembinaan Masjid Quba berbeza dengan **Masjid Dirar**, yang didirikan oleh golongan munafik dengan niat jahat. Masjid Quba dibina dengan:

- **Keikhlasan** – Tujuan utama adalah untuk ibadah dan kebaikan umat Islam.

- **Kebersihan dan Kesucian** – Menjadi tempat ibadah yang menekankan kebersihan zahir dan batin.
- **Perpaduan Umat Islam** – Membina ukhuwah antara Muhajirin (pendatang dari Makkah) dan Ansar (penduduk Madinah).
- **Rasulullah ﷺ Turun Padang** – Baginda sendiri mengangkat batu dan membina bersama para sahabat, menekankan kepentingan usaha bersama dalam pembangunan Islam.

3.1 Asas Takwa dan Ikhlas

Asas takwa dan Ikhlas amat penting dalam pembinaan masjid, bermula dari mendapatkan tapak hinggalah pembinaan. Masjid Quba dibina di atas tanah yang diserahkan oleh Kalthum bin al-Hadm secara Ikhlas, tanpa paksaan. Jika tanah dibeli untuk masjid, maka ia mesti dibeli menggunakan harta yang bersih dan halal. Masjid Nabawi dibina di atas tanah dua anak yatim yang dibeli dengan harga yang adil. Tidak boleh membina masjid di atas tanah yang diperoleh secara haram seperti merampas tanah orang lain. Rasulullah ﷺ bersabda,

"Sesiapa yang merampas tanah orang lain walau sejengkal, Allah akan membebaninya dengan tujuh lapis bumi pada Hari Kiamat."
(Muslim)

3.2 Asas Kebersihan dan Kesucian

Sumber dana pembinaan pula, masjid mesti bersih dan halal serta diperoleh dengan cara yang baik. Masjid Quba dibina hasil daripada tenaga dan sumbangan masyarakat sekitar yang penuh keikhlasan. Tiada dana yang datang daripada sumber yang haram seperti rasuah, riba, perjudian, atau hasil perniagaan yang bertentangan dengan syariat.

Jika kerajaan membina atau membantu dalam pembinaan masjid, ia mestilah daripada sumber yang sah dan digunakan untuk kepentingan umat, bukan untuk propaganda atau kepentingan politik. Bagi kelestarian masjid, Islam menggalakkan konsep wakaf untuk masjid supaya ada sumber pendapatan yang berterusan untuk penyelenggaraan dan pengimaran masjid.

Selain tanah dan dana, kaedah pembinaan masjid juga mesti berpaksikan takwa dan keikhlasan. Masyarakat di sekitarnya perlu terlibat dalam pembinaannya sekurang-kurangnya memberi infak seikhlas yang mungkin. Rasulullah ﷺ dan para sahabat sendiri terlibat dalam pembinaan Masjid Quba dan Masjid Nabawi, menunjukkan kepentingan usaha bersama dalam pembinaan masjid. Masjid tidak boleh dibina dengan niat bermegah-megah atau berlumba-lumba dalam kemewahan.

Gunakan bahan binaan yang bersesuaian dan tidak membazir. Masjid di zaman Rasulullah ﷺ dibina menggunakan batu bata lumpur, dan pelepah kurma, mencerminkan kesederhanaan dan kepentingan fungsi masjid, bukan kemewahan yang berlebihan. Rasulullah ﷺ bersabda,

"Tidak akan terjadi kiamat sehingga manusia berlumba-lumba membangunkan masjid tetapi tidak mengimarahkannya." (Riwayat Ahmad)

3.3 Asas Perpaduan Umat Islam

Masjid tidak boleh dibina atas tujuan perpecahan umat. Pembinaan masjid yang bertujuan memecahbelahkan umat, seperti yang berlaku dalam kes Masjid Dirar, yang dibina oleh golongan munafik untuk menentang Islam tidak dibenarkan sama sekali. Bahkan Allah SWT memerintahkan Rasulullah ﷺ merobohkan Masjid Dirar kerana ia bukan dibina atas dasar takwa, tetapi atas niat perpecahan dan kejahatan.

Masjid yang dibina mestilah bertujuan untuk ibadah, penyebaran ilmu, pusat aktiviti masyarakat, kesejahteraan dan pembangunan masyarakat. Masjid Quba terus berfungsi sebagai pusat ibadah dan kebajikan sehingga kini.

Semenjak zaman Rasulullah ﷺ, masjid Quba dan lain-lain menjalankan banyak aktiviti di samping solat. Banyak kuliah-kuliah yang berkualiti dijalankan, latihan keterampilan, bantuan untuk orang susah dan menjadi tempat menyelesaikan persengketaan. Bagi tujuan menjalankan aktiviti dengan lancar, masjid memerlukan sumber kewangan yang tetap, yang diperoleh melalui pelbagai bentuk infak dan sumbangan daripada masyarakat dan bantuan kerajaan.


Allah SWT berfirman,

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

“Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah dengan pinjaman yang baik, maka Allah akan melipatgandakan (ganjaran) kepadanya dengan berlipat ganda, dan baginya pahala yang mulia.” (Al-Hadid: 11)

Kesedaran untuk memberi infak di kalangan masyarakat Islam perlu diberi perhatian supaya institusi penting seperti masjid dapat menjalankan semua program penting tanpa kekangan kewangan.



BAB 4

Penerapan Fungsi Masjid Quba dalam Masjid Hari Ini

4.1 Dana Pembinaan dan Operasi Masjid

Masjid Quba dibina tanpa kemewahan, tetapi berlandaskan ketakwaan dan kesederhanaan. Bermula dengan tanah masjid disumbangkan secara sukarela oleh seorang sahabat Ansar, Kalthum bin al-Hadm. Masyarakat tempatan pula memberikan sumbangan tenaga dan bahan binaan untuk membina masjid bersama Rasulullah ﷺ dan para sahabat.

Rasulullah ﷺ sendiri turun padang mengangkat batu dan membina masjid bersama para sahabat. Bahan binaan utama adalah **bata** tanah liat, batang dan pelepah kurma, serta batu-batu semula jadi, menjadikannya murah dan mudah dibina. Tiada keperluan untuk bahan binaan mahal, menjimatkan kos pembinaan.

Selepas pembinaannya, Masjid Quba terus beroperasi sebagai pusat ibadah, pendidikan dan sosial bagi masyarakat Islam. Dana operasi datangnya dari wakaf, sedekah dan infak secara ikhlas orang ramai.

Konsep wakaf diterapkan dengan tanah dan hasil pertanian yang disumbangkan untuk kegunaan masjid. Beberapa orang sahabat kaya seperti Abu Bakar As-Siddiq dan Uthman bin Affan sering menyumbang dan mewakafkan harta mereka bagi membantu operasi masjid-masjid.

Sebahagian dana zakat digunakan untuk membantu golongan fakir dan musafir di sekitar dan yang singgah di Masjid Quba. Ini menjadikan masjid berfungsi sebagai pusat kebajikan, dan zakat membantu memastikan masjid kekal berfungsi dengan baik.

Ahli-ahli karya masjid juga memberi bantuan dalam bentuk gotong royong berkala untuk membersihkan dan membaiki masjid. Dari segi kewangan, hingga ke hari ini, Masjid Quba terus menerima infak, wakaf, dan dana dari kerajaan Arab Saudi dan orang ramai bagi menyelenggara dan mengembangkan masjid ini.

Sehubungan dengan ini sumbangan orang ramai kepada pembangunan, penyelenggaraan dan operasi masjid perlu sentiasa dikobarkan. Sesetengah masjid berjaya mendapatkan sokongan yang padu dari Masyarakat sebahagian lagi terpaksa mengehendak aktivitinya kerana ketiadaan dana.

Para sahabat dahulu memberikan infak yang banyak kerana mereka faham ia merupakan pelaburan yang tidak pernah rugi. Allah berfirman,

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجَرَّةً لَّنْ تَبُورَ

"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan solat serta membelanjakan (menginfakkan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka, secara sembunyi atau terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan rugi." (Fatir:29)

Mereka juga faham bahawa Allah akan mengganti apa yang mereka infakkan. Rasulullah ﷺ bersabda,

"Setiap pagi, dua malaikat turun (ke bumi). Salah satu dari mereka berdoa, "Ya Allah, berilah ganti kepada orang yang bersedekah." Dan yang satu lagi berkata, "Ya Allah, berilah kehancuran kepada orang yang menahan hartanya (kedekut)."" (Bukhari & Muslim)

4.2 Masjid sebagai Pusat Ibadah

Masjid Quba dan masjid-masjid lain merupakan lambang ketakwaan kepada Allah SWT. Sejak zaman Rasulullah ﷺ. Masjid bukan hanya tempat solat, tetapi juga menjadi asas pembangunan masyarakat Islam. Sebab itu Rasulullah menjadikan pembinaan masjid Quba sebagai agenda pertama baginya Ketika tiba di daerah Madinah. Allah SWT berfirman,

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah untuk Allah, maka janganlah kamu menyembah sesuatu pun di dalamnya selain Allah." (Al-Jinn: 18)

Ayat ini menunjukkan bahawa masjid dibina dengan tujuan utama untuk beribadah kepada Allah dan menguatkan hubungan manusia dengan Nya. Tidak sama solat di rumah dan di masjid. Sabda Rasulullah ﷺ, "Solat berjemaah itu lebih utama daripada solat bersendirian dengan 27 darjat." (Bukhari & Muslim)

Masjid juga menjadi tempat berzikir dan berdoa, mengukuhkan hubungan spiritual umat Islam dengan Allah. Allah SWT berfirman,

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ

"Di rumah-rumah Allah (masjid) yang diizinkan untuk dimuliakan dan disebut nama Nya di dalamnya, di sana orang-orang berzikir kepada-Nya pada waktu pagi dan petang." (Surah An-Nur, ayat 36)

Masjid Quba dan masjid-masjid lain juga merupakan tempat mengukuhkan ketakwaan dan lambang keimanan. Sabda Rasulullah ﷺ, *"Jika kamu melihat seseorang yang sering ke masjid, maka saksikanlah bahawa dia adalah orang yang beriman."* (Tirmizi)

Masjid Quba dan masjid-masjid lain juga merupakan tempat i'tikaf dan pengukuhan hubungan dengan Allah. Dari Ibnu Abbas r.a., Rasulullah ﷺ bersabda, *"Barang siapa beri'tikaf satu hari kerana mencari keredaan Allah, maka Allah akan menjauhkan dirinya dari api neraka sejauh tiga parit. Setiap parit jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat."* (Al-Tabarani, Al-Baihaqi, disahihkan oleh Al-Albani)

Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah ﷺ bersabda, *"Seseorang yang tetap berada di tempat solatnya selepas solat, malaikat akan berselawat (mendoakannya) dengan berkata: 'Ya Allah, ampunkan dia. Ya Allah, rahmatilah dia.'" (Bukhar & Muslim)*

4.3 Masjid sebagai Pusat Pendidikan

Allah swt berfirman,

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

*"Allah akan **meninggikan darjat** orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat."* (Al-Mujadilah: 11)

Pada zaman awal Islam, Masjid Quba, Masjid Nabawi dan masjid-masjid yang dibina kemudian, bukan sekadar tempat ibadah tetapi juga menjadi pusat utama pendidikan Islam. Rasulullah ﷺ dan para sahabat menjadikan masjid sebagai institusi pendidikan yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Masjid menjadi tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti serta pusat latihan keterampilan. Dari sinilah Islam berkembang sebagai agama yang menekankan ilmu, akhlak, keusahawanan dan kepimpinan.

Rasulullah ﷺ mengajarkan Quran dan melatih para sahabat menjadi pemimpin besar, pentadbir negara dan berbagai-bagai keterampilan. Para sahabat pula bersebar mengajarkan umat Islam di masjid-masjid. Rasulullah ﷺ bersabda,

"Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya." (Bukhari)

Peranan masjid sebagai institusi pendidikan utama terus berkembang. Banyak madrasah dan universiti Islam seperti Universiti Al-Qarawiyyin (ditubuhkan pada tahun 859M) dan Al-Azhar (ditubuhkan pada tahun 970M) bermula daripada sistem pendidikan masjid.

Pada hari ini peranan masjid sebagai institusi pendidikan utama dan pusat Latihan keterampilan penting perlu diwujudkan semula. Peranan ini perlu dijalankan untuk semua lapisan manusia, daripada kanak-kanak, remaja dan orang dewasa serta orang tua, lelaki dan perempuan. Maknanya masjid perlu menawarkan pendidikan berkualiti tinggi dan memberi impak yang besar kepada masyarakat. Bukan sahaja memberi ilmu tetapi juga menjadi pusat latihan keterampilan yang unggul untuk membina

kemahiran-kemahiran penting seperti kepimpinan, perniagaan dan pengurusan. Semua penawaran pendidikan dan latihan ini diberikan secara percuma.

4.4 Masjid sebagai Pusat Kebajikan

Pada zaman Rasulullah ﷺ, Masjid Quba dan masjid-masjid lain juga berfungsi sebagai pusat kebajikan yang membantu masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan. Masjid menjadi tempat umat Islam berkumpul untuk menyalurkan bantuan, membina perpaduan, dan memastikan kesejahteraan masyarakat.

Masjid memainkan peranan penting dalam mengutip dan mengagihkan infak, derma dan sedekah kepada golongan asnaf seperti fakir, miskin, dan mereka yang memerlukan.

Sabda Rasulullah ﷺ, *"Sesiapa yang membantu keperluan saudaranya, maka Allah akan membantu keperluannya."* (Muslim)

Masjid juga menjadi tempat orang ramai menyediakan makanan dan pakaian kepada mereka yang dalam kesusahan. Bahkan semasa zaman Rasulullah ﷺ, masjid menjadi tempat perlindungan bagi para musafir dan orang yang kehilangan tempat tinggal. Ahli Suffah di Masjid Nabawi adalah contoh bagaimana masjid membantu golongan fakir miskin.

Sabda Rasulullah ﷺ, *"Barang siapa memberi makan kepada seorang mukmin yang lapar, Allah akan memberinya makanan dari buah-buahan syurga."* (Tirmizi)

Ketika bencana sama ada bencana alam atau peperangan, dahulu masjid memainkan peranan untuk menjadi tempat pengumpulan dan penyelarasan bantuan. Pada zaman Rasulullah ﷺ, Madinah pernah mengalami kemarau panjang yang menyebabkan bencana kelaparan. Ramai penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan makanan dan air bersih. Masjid telah berperanan sebagai pusat bantuan dan penyelarasan untuk membantu mereka yang memerlukan. Sahabat-sahabat yang berada seperti Usman bin Affan dan Abdul Rahman bin Auf telah memberi infak yang besar bagi tujuan pemberian makanan.

Sabda Rasulullah ﷺ, *"Barang siapa meringankan beban seorang mukmin dari kesusahan dunia, maka Allah akan meringankan kesusahannya di hari kiamat."* (Muslim)

4.5 Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan

Pada zaman Rasulullah ﷺ, Masjid Quba dan masjid-masjid lain menjadi tempat menyatukan masyarakat, terutama antara Muhajirin yang hijrah dari Mekah dan Ansor, penduduk asal Madinah. Masjid menjadi tempat orang berkumpul sama ada untuk solat berjemaah atau untuk aktiviti-aktiviti lain tanpa mengenal perbezaan umur, bangsa dan status dalam masyarakat.

Pendeknya, masjid menjadi tumpuan ramai dan saling tolong-menolong. Firman Allah SWT,

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

"Sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat." (Taubah: 18)

Sabda Rasulullah ﷺ:

"Orang mukmin terhadap mukmin yang lain adalah seperti satu bangunan yang saling menguatkan." (Bukhari & Muslim)

Ini menunjukkan bahwa masjid menjadi tempat pertemuan, tempat membincangkan masalah dan merungkaikan berbagai-bagai-bagai kekusutan. Di situlah tempat menautkan persaudaraan dan mengeratkan hubungan satu sama lain.

4.6 Masjid sebagai Pusat Ekonomi

Semasa zaman Rasulullah ﷺ, Masjid Quba, Masjid Nabawi dan masjid-masjid lain menjadi tempat pembayaran zakat di samping derma, infak dan wakaf. Wang yang terkumpul ini kemudian menjadi sumber kewangan untuk menolong orang yang memerlukan dan juga pembiayaan operasi Kerajaan. Kemudian apabila jumlah wang yang terkumpul menjadi besar, Baitul Mal menjadi sebahagian dari masjid.

Sebahagian daripada aktiviti Baitul Mal ialah memberikan bantuan kewangan kepada mereka yang memerlukan, termasuk peniaga kecil, melalui konsep Qardul Hasan. Peniaga yang tidak mempunyai modal boleh mendapatkan pinjaman dari Baitul Mal tanpa dikenakan faedah. Apabila mereka berjaya dalam perniagaan, mereka membayar semula jumlah pokok untuk membantu orang lain. Pinjaman seperti ini telah dapat melepaskan peniaga-peniaga kecil dari cengkaman orang-orang Yahudi yang memberikan pinjaman dengan riba yang tinggi. Di samping pembiayaan Baitul Mal, pertemuan di masjid telah menautkan peniaga-peniaga kecil dengan yang besar. Peniaga

besar menjadi mentor dan pemberi pinjaman Qardul Hasan kepada peniaga-peniaga kecil.

Rasulullah ﷺ bersabda,

"Barang siapa memberi pinjaman kepada saudaranya dua kali, maka ia akan mendapat pahala seperti bersedekah sekali." (Ibn Majah, disahihkan oleh Al-Albani)

Masjid juga menjadi tempat mempelajari berbagai-bagai ilmu dan keterampilan, termasuklah yang berkaitan dengan kewangan dan perniagaan. Natiuhnya kita dapat lihat lahirnya ramai usahawan besar yang menjadi tonggak tersebar Islam ke seluruh dunia.

4.7 Masjid sebagai Pusat Pendidikan Murabbi

Masjid bukan hanya tempat solat, tetapi juga institusi pendidikan utama yang berperanan melahirkan murabbi yang berilmu, berakhlak, dan berwibawa.

Hadis Rasulullah ﷺ,

"Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya." (Bukhari)

Masjid bukan hanya tempat teori, tetapi juga pusat amali bagi murabbi. Para sahabat berlatih menyampaikan khutbah, memberi ceramah, dan menyelesaikan masalah umat di masjid. Para murabbi yang dilatih di masjid kemudian dihantar ke pelbagai wilayah untuk menyebarkan Islam dan mendidik umat. Mu'adz bin Jabal dihantar ke Yaman sebagai wakil Rasulullah ﷺ dan menjadi guru serta pendakwah. Ketika Muaz hendak memulakan perjalanan ke Yaman, Rasulullah ﷺ berpesan,

"Wahai Mu'adz, sesungguhnya engkau akan pergi kepada suatu kaum dari Ahli Kitab. Maka, ajarkanlah mereka bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Nya." (Bukhari & Muslim)

Murabbi yang dilatih di masjid bukan hanya mengajar ilmu tetapi juga membentuk masyarakat berdasarkan nilai Islam yang sebenar. Itulah yang dilakukan Mu'adz di Yaman.

4.8 Masjid sebagai Pusat Dakwah

Sejak zaman Rasulullah ﷺ, masjid telah menjadi pusat utama bagi penyebaran Islam dan mendidik umat. Masjid telah memainkan peranan, di samping tempat solat, ia juga menjadi pusat dakwah, pendidikan, penyatuan umat, dan penyebaran Islam ke seluruh dunia.

Allah SWT berfirman,

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh dan berkata: 'Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri'." (Fussilat: 33)

Rasulullah ﷺ bersabda,

"Sampaikan dari ku walaupun satu ayat." (Bukhari)

Firman Allah SWT,

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِئِلْهُم بِاتِّبَاعِي هِيَ أَحْسَنُ

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

"Serulah manusia kepada jalan Tuhan mu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik." (An-Nahl: 125)



BAB 5

Model Pengurusan Masjid “Quba” dan Penerapannya

5.1 Pengurusan Masjid yang Berkesan

Pengurusan masjid yang efektif mesti berlandaskan prinsip-prinsip asas organisasi:

Syura (Perbincangan dan Musyawarah) – Semua keputusan dibuat melalui musyawarah berdasarkan kepentingan jemaah dan masyarakat. Allah SWT berfirman,

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

*"Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka diputuskan dengan **musyawarah** antara mereka; dan mereka menginfakkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka." (Surah Asy-Syura, ayat 38*

Amanah dan Ketelusan – Pengurusan mesti bersikap jujur, berintegriti, dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa. **Allah SWT berfirman,**

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (An-Nisa': 58)

Profesional – Pengurusan perlu diurus secara sistematik dan cekap, bukan sekadar sukarela sahaja walaupun semua ahli jawatankuasa atau panitia bekerja dengan sukarela. Allah SWT berfirman,

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh, sesungguhnya Kami tidak akan menyia-nyiakan pahala orang yang mengerjakan **amalannya terbaik**." (Al-Kahf: 30)*

Berorientasikan Pembangunan Masyarakat – Masjid bukan sahaja tempat solat tetapi juga pusat pembangunan masyarakat. Membangun masyarakat sebenarnya adalah antara misi masjid yang utama.

Banyak hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang menunjukkan bagaimana masjid membangunkan masyarakat. Di antaranya ialah

menjadikan masyarakat yang kukuh dengan membina ukhuwah. Rasulullah ﷺ bersabda,

“Perumpamaan orang-orang beriman dalam kasih sayang, kecintaan, dan kelembutan mereka adalah seperti satu tubuh. Jika satu anggota tubuh merasa sakit, maka seluruh tubuh akan turut merasakan sakit dengan demam dan tidak boleh tidur.” (Muslim)

Masjid juga membangunkan masyarakat dengan menjadikan setiap orang menyumbang ke arah kemajuan. Rasulullah ﷺ bersabda,

“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lain.” (Ahmad)

Membangun ekonomi dan kebajikan masyarakat juga menjadi agenda dalam membangunkan masyarakat. Rasulullah ﷺ bersabda,

“Tidaklah seorang Muslim menanam pohon atau menabur benih, lalu hasilnya dimakan oleh burung, manusia, atau binatang, kecuali ia menjadi sedekah baginya.” (Bukhari & Muslim)

Membangun Ilmu dalam Masyarakat satu lagi elemen penting dalam Pembangunan Masyarakat. Rasulullah ﷺ bersabda,

“Barang siapa menempuh jalan untuk mencari ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan menuju syurga.” (Muslim)

Ketakwaan dan Keikhlasan – kedua-dua juzuk ini sebenarnya yang paling penting dalam pengurusan masjid dari peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan sehinggalah peringkat operasi. Bukankah Allah swt berfirman,

أَبْدَأَ ۚ الْمَسْجِدُ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ

"Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar takwa sejak hari pertama adalah lebih layak kamu solat di dalamnya. (At-Taubah: 108)

5.2 Pendekatan Keterbukaan dan Penglibatan Masyarakat

Masjid perlu menjadi tempat yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, status ekonomi, atau tahap pendidikan. Ruang solat mesti selesa dan mesra kepada pelbagai golongan, kanak-kanak, wanita dan orang kurang upaya.

Penyertaan aktif masyarakat dalam setiap aktiviti masjid mesti menjadi keutamaan.

Firman Allah SWT,

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

"Sesungguhnya masjid itu **milik Allah**, maka janganlah kamu menyeru sesiapa pun di dalamnya selain Allah." (Al-Jin: 18)

Masjid itu milik Allah dan semua hamba Nya yang beriman mesti dilibatkan.

Pengurusan masjid mesti telus dan terbuka. Sistem pentadbiran perlu terbuka dan mudah dilihat oleh jemaah. Ini membawa maksud:

- Mengadakan mesyuarat agung untuk mendengar pendapat masyarakat.
- Memastikan sistem kewangan masjid telus dan boleh dipantau oleh komuniti.
- Menggalakkan keterlibatan sukarelawan dalam mengurus aktiviti masjid.

Firman Allah SWT,

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

"Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah..." (Ali 'Imran: 159)

5.3 Keterlibatan Masyarakat dalam Aktiviti Masjid

Masjid mesti menjadi pusat masyarakat yang aktif, bukan sekadar tempat solat semata-mata. Oleh itu, keterlibatan masyarakat dalam aktiviti masjid adalah penting bagi masjid:

- Memastikan program masjid relevan dengan keperluan masyarakat.
- Meningkatkan kesatuan dan semangat gotong-royong dalam kalangan jemaah.
- Menggalakkan lebih ramai orang datang ke masjid, bukan hanya ketika solat berjemaah.

Masjid dapat menarik lebih ramai penglibatan masyarakat dengan menyediakan program yang menyantuni semua golongan di sekitarnya. Berbagai-bagai-bagai kaedah dan pendekatan pengajaran Rasulullah ﷺ boleh di manfaatkan mengikut kesesuaian. Di antara program-program yang boleh dilaksanakan ialah:

- Program untuk orang dewasa:
 - Kuliah maghrib dan subuh yang terdiri daripada kuliah tafsir Quran, fiqh dan fardu ain, hadis, sirah, aqidah, muamalat, akhlak dan isu-isu semasa.
 - Kuliah-kuliah duha khas untuk wanita
 - Bimbingan keluarga dan kaunseling
 - Memasak bubur lambuk dan bubur Asyura
- Program untuk belia
 - Program keusahawanan untuk belia dengan menyediakan kelas bimbingan, mentor dan bantuan kredit mikro qardul hasan.
 - Kelas membuat video klip untuk media sosial
 - Kelas memasak
- Program untuk remaja
 - Program motivasi untuk belia dan pelajar sekolah
 - Program memanjat bukit sambil tadabur memerhati alam ciptaan Allah untuk remaja.
- Program untuk pelajar sekolah
 - Kelas-kelas keterampilan fizikal seperti kelas seni mempertahankan diri dan memanah.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

- Kelas-kelas khas untuk pelajar sekolah seperti kelas bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.
- Kem-kem cuti sekolah seperti kem anak soleh dan kem sains & teknologi.
- Kelas tuisyen untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan besar.
- Program pembelajaran berasaskan pertandingan seperti pembuatan video klip bulanan untuk mengambil iktibar daripada peristiwa bersejarah.
- Pertandingan solat subuh berjemaah 40 hari berturut-turut
- Program khitan perdana
- Program khas akil baligh
- Program untuk anak-anak
 - Kelas membaca Quran
 - Kelas taranum pembacaan Quran
 - Program hafiz Quran
 - Tahnik untuk bayi
- Program-program bersifat umum
 - Program subuh seperti solat Jumaat sekali atau dua kali setahun
 - Tadarus Quran bulan Ramadhan
 - Majlis khatam Quran
 - Berbuka puasa
 - Qiam 10 hari terakhir Ramadhan berserta sahur
 - Acara Korban
 - Program khas perarakan maulidur rasul
 - Gotong-royong membersihkan masjid
 - Gotong-royong membersihkan kubur

- Acara solat dan bermunajat khas untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan besar
- Program bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar berbakat istimewa.

5.4 Menggalakkan Aktiviti Kebajikan dan Kemasyarakatan

Firman Allah SWT,

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan takwa, dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan.”

(Surah Al-Ma'idah, ayat 2)

Taawun, saling tolong-menolong merupakan perintah Allah. Dalam kawasan kariah satu-satu masjid biasanya ada orang miskin dan ada juga orang-orang berada. Masjid boleh menjadi perantara orang-orang berada dengan orang miskin untuk melaksanakan taawun dengan menggalakkan infak dan kemudian memberikan bantuan kepada fakir miskin. Di antara aktiviti yang boleh dijalankan oleh masjid ialah:

- Mewujudkan sistem khas untuk memudahkan masyarakat memberi bantuan wang atau bahan-bahan makanan dan barang-barang keperluan.
- Agihan bantuan makanan dan keperluan asas kepada fakir miskin.
- Program bantuan pendidikan untuk anak-anak kurang berkemampuan.

- Klinik kesihatan percuma dan pemeriksaan kesihatan berkala.
- Bimbingan kepada muallaf dan program dakwah untuk komuniti bukan Islam.

5.5 Menggunakan Teknologi untuk Meningkatkan Keterlibatan Masyarakat

Ketika semua orang memanfaatkan teknologi, masjid perlu menggunakannya secara optimum untuk menyampaikan maklumat dengan lebih pantas, menarik lebih ramai jemaah, dan memperkasakan peranan masjid sebagai pusat masyarakat Islam yang aktif dan juga meningkatkan kecekapan pengurusannya.

Dengan memanfaatkan pelantar digital, masjid boleh menjadi lebih inklusif, mesra jemaah, dan relevan dalam kehidupan moden, terutama dalam menarik golongan muda untuk lebih dekat dengan masjid. Di antara kemudahan digital yang boleh digunakan ialah:

Laman Web Rasmi Masjid

Laman web masjid boleh memberikan maklumat kepada masyarakat berkenaan:

- Jadual solat dan aktiviti masjid.
- Ruang untuk sumbangan dalam talian bagi pembangunan masjid dan kebajikan.
- Urusan khairat kematian
- Orang-orang yang boleh dihubungi untuk urusan tertentu.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul



Contoh laman Web Rasmi Masjid

Media Sosial untuk Penyebaran Dakwah dan Maklumat
Facebook, Instagram, X, TikTok, dan YouTube boleh digunakan untuk menarik lebih ramai masyarakat terlibat dengan masjid. Masjid memanfaatkan media ini untuk urusan di bawah:

- Live streaming kuliah-kuliah
- Menyimpan video kuliah-kuliah untuk kegunaan masa depan
- Kuliah agama dan tazkirah dalam bentuk video pendek. Pengumuman aktiviti masjid seperti ceramah, kelas al-Quran, dan gotong-royong.
- Motivasi Islam dan hadis harian untuk memberi inspirasi kepada masyarakat.

Aplikasi Masjid untuk Interaksi Masyarakat

Masjid boleh membangunkan aplikasi mudah alih yang membolehkan jemaah mendapatkan maklumat dan berinteraksi dengan lebih mudah. Fungsi dalam aplikasi masjid:

- Jadual solat & azan automatik – Mempamerkan waktu solat dan memainkan azan.
- Pendaftaran program – Jemaah boleh mendaftar untuk kelas agama dan aktiviti.
- Sumbangan infak dalam talian – Membolehkan masyarakat bersedekah dan membayar zakat dengan mudah.
- Permohonan bantuan kebajikan – Membantu fakir miskin mengakses bantuan masjid.

5.6 Sistem Pengurusan Masjid Secara Digital dan Cekap

Pengurusan masjid yang cekap dan profesional sangat penting bagi memastikan masjid berfungsi bukan sekadar sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat dakwah, pendidikan, kebajikan, dan pembangunan masyarakat. Dengan menggunakan teknologi digital, pengurusan masjid dapat ditingkatkan dari segi kecekapan, ketelusan, dan kemudahan akses untuk jemaah.

Penggunaan sistem digital dalam pengurusan masjid membolehkan pengurusan kewangan, komunikasi, aktiviti, dan maklumat jemaah disusun secara sistematik serta memudahkan penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Sistem pengurusan masjid secara digital dan cekap perlu mempunyai beberapa komponen utama:

Komponen	Fungsi Utama
Sistem Pengurusan Keahlian dan Jemaah	Rekod ahli masjid, penyertaan aktiviti, dan pangkalan data jemaah.
Sistem Pengurusan Kewangan dan Sumbangan	Kutipan derma, zakat, wakaf, dan laporan kewangan secara telus.
Sistem Komunikasi Digital	Pengumuman aktiviti, notifikasi, dan interaksi dengan jemaah melalui laman web, aplikasi, dan media sosial.
Sistem Pengurusan Aktiviti Masjid	Jadual kuliah, solat berjemaah, program komuniti, dan majlis ilmu.
Sistem Siaran Langsung dan Media Digital	Penyebaran ceramah, khutbah, dan tazkirah melalui platform digital.
Sistem Tempahan Ruang Masjid	Pengurusan penggunaan dewan, bilik mesyuarat, dan ruang solat untuk majlis rasmi dan kenduri.
Sistem Khairat Kematian	Pengurusan keahlian, sumbangan dan penyelenggaraan kubur
Sistem Pengurusan Aset	Masjid mempunyai banyak aset seperti aircond, excavator pengorek kubur, kenderaan dan lain-lain. Semuanya perlu diuruskan dengan baik

Komponen	Fungsi Utama
Sistem Pendidikan Digital	Pengurusan Pembelajaran (LMS) dan perpustakaan maya (e-Library)

Sistem Pengurusan Keahlian dan Jemaah

- **Pangkalan Data Jemaah**

Mewujudkan sistem keahlian masjid yang merekodkan maklumat jemaah seperti:

- Nama, alamat, dan nombor telefon jemaah.
- Status keahlian dan penyertaan dalam aktiviti masjid.
- Keperluan khas seperti bantuan zakat atau keperluan kesihatan.

- **Aplikasi Pendaftaran Digital**

Jemaah boleh mendaftar sebagai ahli masjid melalui aplikasi atau laman web rasmi. Sistem ini membolehkan pihak pengurusan menghantar makluman mengenai aktiviti masjid secara terus kepada jemaah.

Sistem Pengurusan Kewangan dan Sumbangan

- **Kutipan Derma dan infak Secara Digital:**

Penggunaan **e-wallet, QR code, dan transaksi perbankan dalam talian** membolehkan jemaah menyumbang dengan lebih mudah.

- **Laporan Kewangan Secara Automatik**

Sistem pengurusan kewangan digital membolehkan rekod transaksi direkodkan secara telus dan boleh diaudit dengan mudah.

Setiap kutipan akan disusun dalam kategori seperti derma untuk dana operasi, dana pembangunan, dana khairat, dan dana-dana khas seperti ihya Ramadhan.

- **Notis dan Resit Digital**

Setelah jemaah menyumbang, mereka akan menerima resit digital secara automatik. Ini meningkatkan ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan kewangan masjid.

Sistem Komunikasi Digital

- **WhatsApp & Telegram untuk Makluman Aktiviti**
Kumpulan WhatsApp dan Telegram boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada jemaah secara pantas. Jemaah boleh menerima notis mengenai kuliah agama, waktu solat, majlis ilmu, dan kempen sumbangan.

Sistem Pengurusan Aktiviti Masjid

- **Jadual Aktiviti Secara Digital**

Sistem ini membolehkan pengurusan masjid merancang dan mengatur aktiviti seperti:

- Kuliah agama dan kelas al-Quran.
- Program kebajikan dan gotong-royong.
- Program keusahawanan Islam dan
- bimbingan keluarga.

- **Pendaftaran Aktiviti Secara Dalam Talian**Jemaah boleh mendaftar untuk menyertai program melalui aplikasi atau laman web masjid.

Ini memudahkan penyelarasan kehadiran dan penyediaan kemudahan yang mencukupi.

Sistem Siaran Langsung dan Media Digital

- **Live Streaming Kuliah dan Khutbah**

Menggunakan **Facebook Live, YouTube Live, dan Zoom** untuk menyiarkan kuliah agama secara langsung.

Membantu **jemaah yang jauh atau uzur** tetap mendapat ilmu agama secara maya.

- **Rakaman Video & Podcast Islamik**

Masjid boleh menghasilkan **rakaman kuliah dan ceramah** untuk dimuat naik di YouTube atau Spotify sebagai podcast Islamik.

Ini membolehkan ilmu agama disampaikan dengan lebih meluas kepada masyarakat.

Sistem Tempahan Ruang Masjid

Masjid boleh menyediakan sistem tempahan dalam talian bagi penggunaan dewan solat, bilik mesyuarat, dan ruang kenduri.

Ini memastikan penggunaan ruang masjid lebih teratur dan sistematik.

Sistem Khairat Kematian

Sistem Khairat Kematian merupakan inisiatif kebajikan yang diuruskan oleh masjid untuk membantu ahli kariah dalam menguruskan kos dan keperluan pengebumian apabila berlaku kematian. Sistem ini berfungsi sebagai tabung kebajikan yang dikumpul melalui sumbangan keahlian atau derma masyarakat dan digunakan bagi membantu waris dalam menguruskan jenazah tanpa beban kewangan yang berat.

Sistem khairat kematian ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi juga sistem sokongan sosial dan masyarakat bagi memastikan urusan pengurusan jenazah dilakukan dengan lancar dan mengikut tuntutan syarak.

Rasulullah ﷺ bersabda,

"Barang siapa yang mengurus jenazah seorang Muslim hingga selesai, maka baginya pahala sebesar dua qirat. Ditanya: Apakah dua qirat itu? Baginda menjawab: Seperti dua gunung besar." (Bukhari & Muslim)

Perkara-perkara yang perlu ada dalam sistem ini ialah

- Pendaftaran keahlian
- Bayaran yuran
- Notis kematian
- Pengurusan kubur

Sistem Pengurusan Aset

Aset masjid merangkumi harta fizikal dan kewangan yang digunakan untuk tujuan ibadah, kebajikan, pendidikan, dan pembangunan komuniti Islam. Pengurusan aset yang cekap adalah penting bagi memastikan semua aset digunakan dengan optimum, diselenggarakan dengan baik, dan memberikan manfaat jangka panjang kepada masyarakat.

Sistem pengurusan aset masjid yang sistematik dan digital dapat membantu masjid dalam merekodkan, menyelenggara, dan mengurus aset dengan lebih cekap serta memastikan ketelusan dalam pentadbiran masjid. Aset masjid boleh dikategorikan kepada beberapa jenis utama:

Kategori Aset	Contoh Aset
Aset Fizikal	Bangunan masjid, dewan serbaguna, tempat wuduk, kawasan parkir, tanah wakaf, kenderaan masjid.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Kategori Aset	Contoh Aset
Peralatan & Kelengkapan	Mikrofon, sistem audio, kipas, penghawa dingin, permaidani, kerusi & meja, computer, kenderaan, excavator penggali kubur.
Aset Kewangan	Dana khairat, zakat, sumbangan derma, wakaf, pelaburan Islam.
Aset Digital	Laman web, akaun media sosial, sistem pengurusan masjid digital, pangkalan data ahli.

Sistem pengurusan aset masjid yang efektif memerlukan beberapa komponen utama:

Komponen	Fungsi
Pangkalan Data Aset	Merekodkan semua aset masjid termasuk maklumat pemilikan, lokasi, dan nilai.
Sistem Penyelenggaraan Berkala	Menjadualkan penyelenggaraan aset seperti sistem audio, peralatan elektrik, dan bangunan.

Komponen	Fungsi
Pengurusan Kewangan dan Wakaf	Memantau dana wakaf dan penggunaan dana untuk pembangunan aset.
Sistem Audit dan Pemantauan	Memastikan aset tidak disalahgunakan dan direkodkan dengan tepat.

Pemeriksaan Aset Secara Berkala

Aset masjid perlu diaudit setiap 6 bulan atau setahun sekali untuk memastikan semuanya masih dalam keadaan baik.

Sistem kod QR atau nombor siri boleh digunakan untuk menandakan setiap aset supaya lebih mudah dijejak.

Sistem Pendidikan Digital

Dalam era teknologi moden, sistem pendidikan digital masjid memainkan peranan penting dalam memperluaskan penyebaran ilmu Islam kepada masyarakat. Melalui plantar digital, masjid dapat menyediakan kelas agama, kuliah, bacaan al-Quran, serta kursus interaktif kepada jemaah secara lebih fleksibel dan mudah dicapai.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

Dengan sistem ini, golongan muda, dewasa, dan warga emas dapat menimba ilmu tanpa perlu hadir secara fizikal, sekali gus menjadikan masjid sebagai pusat pembelajaran Islam yang inklusif, interaktif, dan berkesan.

Sebuah sistem pendidikan digital masjid yang berkesan memerlukan beberapa komponen berikut:

Komponen	Fungsi
Platform E-Pembelajaran	Portal pembelajaran digital untuk kursus agama dan modul interaktif.
Live Streaming Kuliah & Tazkirah	Penyampaian ceramah agama secara langsung di media sosial atau aplikasi khas.
Aplikasi Mobile Pendidikan Masjid	Aplikasi yang membolehkan jemaah mengikuti kelas agama dan menerima notifikasi program masjid.
Pangkalan Data Ilmu Islam dan e-library	Arkib digital yang menyimpan video ceramah, artikel Islamik, dan e-buku.
Sistem Pembelajaran Al-Quran Online	Kelas bacaan al-Quran dan tajwid secara interaktif dengan guru melalui Zoom/Google Meet.

5.7 Pembiayaan dan Kelestarian Masjid

Masjid memerlukan dana yang besar untuk beroperasi dan menjalankan fungsinya megikut gagasan masjid Quba dan Masjid Nabawi. Oleh itu, pembiayaan yang mampan dan strategi kelestarian perlu diwujudkan supaya masjid dapat beroperasi dengan baik serta terus memberi manfaat kepada masyarakat.

Masjid boleh mendapatkan dana daripada pelbagai sumber yang berlandaskan syariah dan kelestarian ekonomi Islam seperti dalam jadual di bawah.

Sumber Pembiayaan	Penerangan
Derma dan Infak	Sumbangan daripada jemaah secara harian, mingguan, atau bulanan.
Wakaf Tunai dan Harta	Wakaf dalam bentuk tunai, tanah, bangunan, dan aset lain untuk manfaat jangka panjang.
Keusahawanan Masjid	Perniagaan seperti koperasi masjid, penyewaan ruang dewan, kafeteria halal, dan pengurusan aset.
Pelaburan Halal	Masjid boleh melaburkan dana dalam sektor yang patuh syariah seperti hartanah dan saham Islamik.

Sumber Pembiayaan	Penerangan
Geran Kerajaan & NGO	Bantuan kewangan dari pihak kerajaan, institusi Islam, dan NGO untuk pembangunan masjid.

Derma dan Infak

Derma dan infak merupakan sumber yang sangat penting bagi sebuah masjid. Sebenarnya ramai orang yang ingin memberi derma dan infak kepada masjid. Mereka perlu digalakkan dan diingatkan. Allah SWT berfirman,

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

"Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas lagi Maha Mengetahui." (Al-Baqarah: 261)

Kaedah pembayaran perlu dipermudah dan diperbanyak. Peti sumbangan perlu diletakkan di tempat-tempat strategik. Bagi yang hendak menggunakan perkhidmatan

digital, QR-code, nombor akaun masjid dan pelantar pembayaran seperti ToyyibPay perlu ditempatkan di banyak tempat, termasuk di laman Web dan media sosial rasmi.

Wakaf

Sabda Rasulullah ﷺ,

"Apabila manusia meninggal dunia, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat, atau anak soleh yang mendoakannya." (Muslim)

Kalthum bin al-Hadm telah mewakafkan tanahnya untuk pembinaan Masjid Quba. Pada hari ini pihak individu dan syarikat digalakkan untuk memberi wakaf tapak masjid dan kemudahan-kemudahannya seperti tanah kabur atau tanah tambahan untuk membina pembesaran masjid sedia ada. Harta yang diwakafkan di Selangor akan didaftarkan sebagai milik Majlis Agama Islam Selangor. Harta jenis lain seperti rumah kedai dan saham boleh juga diwakafkan untuk membiayai aktiviti masjid.

Keusahawanan Masjid

- Penyewaan Dewan & kemudahan
- Program Pembelajaran Berbayar
- Menjual barang-barang dengan jenama masjid

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul



BAB 6

Masjid Mengupayakan Masyarakat Unggul

Masjid telah memainkan peranan dalam pembangunan dan membentuk masyarakat unggul daripada segi spiritual, intelektual, ekonomi, dan sosial. Dalam sejarah Islam, masjid menjadi pusat kepimpinan, pendidikan, kebajikan, dan perpaduan, melahirkan individu serta masyarakat yang cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu, masjid moden perlu mengupayakan masyarakat dengan program dan inisiatif yang menyeluruh.

Semua yang telah disebutkan dalam bab-bab sebelum ini merupakan juzuk yang sangat penting dalam membangunkan masyarakat unggul. Di antaranya:

- Masjid sebagai Pusat Pendidikan
- Masjid sebagai Pusat Pembangunan Ekonomi Ummah
- Masjid sebagai Pusat Kebajikan dan Kesejahteraan Sosial
- Masjid sebagai Pusat Perpaduan Ummah
- Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan
- Masjid sebagai Pusat Pendidikan Murabbi
- Masjid sebagai Pusat Dakwah

Kejayaan masjid menjalankan fungsi-fungsi di atas amat besar maknanya dalam membangunkan masyarakat. Terdapat beberapa lagi juzuk penting yang perlu dilakukan. Di antaranya ialah:

- Ramainya guru-guru cemerlang di sekolah-sekolah sekitarnya
- Ibu-bapa yang berkemahiran tinggi dalam mendidik anak-anak
- Pembangunan usahawan yang unggul

- Kolaborasi dengan institusi-institusi di sekitarnya
- Pusat ilmu dan penjana ilmu-ilmu baru

6.1 Ramainya guru-guru cemerlang di sekolah-sekolah sekitar masjid.

Jika sekolah-sekolah di sekitar masjid mempunyai ramai guru-guru cemerlang, ini merupakan suatu aset besar bagi pembangunan masyarakat. Kehadiran mereka dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pembangunan karakter, dan pembinaan bakat yang unggul akan melonjakkan masyarakat di sekitar masjid menjadi unggul.

Masjid boleh memainkan peranan dengan mendapatkan khidmat sukarela daripada pakar-pakar pendidikan dan guru-guru cemerlang sama ada yang masih berkhidmat atau yang telah bersara. Khidmat mereka bukan untuk membuat kelas bimbingan atau bengkel kepada guru-guru kerana guru-guru amat sibuk dengan tugas masing-masing dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan latihan-latihan kepada mereka.

Pakar-pakar pendidikan dan guru-guru cemerlang ini boleh menolong masjid dengan membuat buku-buku kecil, klip video dan video syarahan yang relevan. Di antaranya ialah:

- tip dan motivasi pengajaran cemerlang
- Kaedah-kaedah pengajaran terkini dan unggul
- Kemahiran-kemahiran pengajaran unggul
- Pembangunan bakat pelajar
- Mengenali kecerdasan berbilang dan membangunkannya

Pendeknya, masjid dengan menggunakan kemudahan dalam talian, menjadi rujukan, tempat mendapatkan panduan dan tempat guru-guru bertanya.

Allah SWT berfirman,

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

"Dan bertanyalah kepada orang yang mempunyai ilmu jika kamu tidak mengetahui." (Surah An-Nahl, ayat 43)

6.2 Ibu-bapa yang berkemahiran tinggi dalam mendidik anak-anak

Ibu bapa adalah pendidik pertama dan utama dalam kehidupan anak-anak. Kejayaan dan akhlak seseorang anak banyak bergantung kepada pendidikan yang diterima di rumah. Oleh itu, ibu bapa yang berkemahiran tinggi dalam mendidik anak-anak akan mampu melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak, dan berjaya di dunia serta akhirat.

Masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat boleh memainkan peranan membantu ibu bapa meningkatkan kemahiran keibubapaan, sekali gus melahirkan keluarga yang cemerlang dalam masyarakat.

Firman Allah SWT,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka..." (Surah At-Tahrim, ayat 6)

Ibu bapa yang berjaya dalam mendidik anak-anak mempunyai kemahiran keibubapaan yang kukuh seperti dalam jadual di bawah.

Ciri	Penerangan
1. Ilmu Keibubapaan Islam	Memahami cara mendidik anak-anak berdasarkan ajaran al-Quran dan sunnah.
2. Keupayaan Mengajar Akhlak & Nilai Islam	Membentuk anak-anak dengan nilai seperti amanah, jujur, dan berdisiplin.
3. Komunikasi yang Berkesan	Mempunyai kemahiran mendengar, memahami, dan berinteraksi dengan anak-anak.
4. Sabar dan Konsisten dalam Mendidik	Tidak cepat marah atau putus asa, tetapi terus membimbing dengan kasih sayang.
5. Menjadi Contoh Teladan (Uswah hasanah)	Anak-anak lebih mudah mengikut akhlak dan amalan baik ibu bapa.

Rasulullah ﷺ bersabda,

"Tiada pemberian yang lebih baik daripada seorang ayah kepada anaknya selain daripada akhlak yang baik." (At-Tirmizi)

Apakah peranan masjid dalam membantu ibu bapa menjadi pendidik yang baik?

Masjid boleh menjadi **pusat latihan keibubapaan** bagi membantu ibu bapa membina kemahiran berkeluarga dan mendidik anak-anak.

Program Keibubapaan di Masjid

- Masjid boleh menganjurkan kursus dan seminar untuk ibu bapa mengenai:
 - Teknik mendidik anak dengan hikmah dan kasih sayang.
 - Kaedah membentuk disiplin tanpa kekerasan.
 - Pendidikan al-Quran dan akhlak di rumah.
- Masjid boleh menyediakan kelas khas untuk ibu bapa dan anak-anak seperti:
 - Kelas mengaji bersama – Ibu bapa dan anak belajar al-Quran bersama.
 - Program solat berjemaah – Membimbing anak-anak tentang kepentingan solat.

- Bengkel komunikasi dalam keluarga – Meningkatkan hubungan ibu bapa dan anak.
- Masjid boleh menyediakan khidmat kaunseling kepada ibu bapa mengenai:
 - Cabaran dalam mendidik anak-anak moden.
 - Mengenal bakat, jenis kecerdasan yang memupuk bakat dan kecerdasan anak.
 - Kaedah menangani anak-anak yang bermasalah.
 - Nasihat keibubapaan daripada ustaz dan pakar psikologi Islam.

Teknik Keibubapaan Berkesan dalam Islam

- Mendidik dengan Kasih Sayang & Hikmah

Rasulullah ﷺ mendidik anak-anak dan sahabat dengan kelembutan, bukan kekerasan.

Contoh: Baginda ﷺ bersikap penyayang terhadap cucunya, Hasan dan Husain, serta membimbing mereka dengan sabar.

Sabda Rasulullah ﷺ,

"Bukanlah daripada kalangan kami sesiapa yang tidak menyayangi anak kecil dan tidak menghormati orang tua."
(At-Tirmizi)

- Menjadi Role Model Terbaik untuk Anak-Anak

Anak-anak lebih banyak meniru perbuatan ibu bapa daripada mendengar kata-kata mereka.

Jika ibu bapa ingin anak rajin solat, mereka mesti solat di hadapan anak-anak.

Jika ibu bapa ingin anak menjaga akhlak, mereka mesti menunjukkan contoh yang baik.

6.3 Pembangunan usahawan yang unggul

Matlamat utama usahawan yang unggul bukan mencari keuntungan dunia sahaja, tetapi juga membina perniagaan yang beretika, berkualiti, dan memberi manfaat kepada masyarakat serta menjalankan tanggungjawab fardu kifayah. Dalam Islam, keusahawanan adalah satu sunnah kerana Rasulullah ﷺ sendiri seorang peniaga yang berjaya dan terkenal dengan kejujuran serta integriti dalam perniagaan.

Masjid boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan usahawan unggul dengan menyediakan latihan, sokongan kewangan, bimbingan, dan rangkaian keusahawanan untuk membina masyarakat unggul. Tanpa usahawan amat sukar

sebuah masyarakat untuk maju kerana usahawanlah yang menyediakan rangkaian bekalan makanan dan keperluan-keperluan asas yang lain.

Firman Allah SWT,

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.” (Al-Baqarah: 275)

Seorang usahawan Muslim yang berjaya bukan sekadar bijak dalam perniagaan, tetapi juga menjaga etika, amanah, dan keberkatan rezeki.

Ciri Usahawan Unggul	Penerangan
1. Berintegriti & Amanah	Jujur dalam urusan jual beli, tidak menipu pelanggan.
2. Berniaga dengan Ilmu	Faham selok-belok perniagaan, pengurusan kewangan, dan pemasaran.
3. Patuh Syariah	Elakkan riba, gharar (ketidakpastian), dan jualan haram.
4. Berinovasi & Kreatif	Sentiasa mencari cara baru untuk memperbaiki perniagaan.
5. Prihatin kepada Masyarakat	Menyumbang kepada kebajikan dan membantu golongan memerlukan.

Sabda Rasulullah ﷺ,

"Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi, siddiqin dan syuhada di akhirat." (At-Tirmizi)

Masjid boleh memainkan peranan sebagai pusat pembangunan usahawan dengan menyediakan latihan, modal, dan rangkaian perniagaan.

- **Masjid boleh mengadakan kursus keusahawanan seperti:**
 - **Prinsip perniagaan Islam** – Bagaimana menjalankan perniagaan tanpa riba dan penipuan.
 - **Pengurusan kewangan** – Cara mengurus modal, keuntungan, dan pelaburan dengan bijak.
 - **Pemasaran digital** – Menggunakan media sosial dan e-dagang untuk meningkatkan jualan.
 - **Kemahiran kepimpinan** – Melatih usahawan menjadi pemimpin dalam perniagaan.

Rasulullah ﷺ bersabda

"Sesiapa yang berusaha mencari rezeki halal untuk keluarganya, maka itu adalah jihad di jalan Allah." (Al-Baihaqi)

- **Masjid boleh menyediakan pembiayaan mikro** (Qardul Hasan) atau tabung perniagaan untuk membantu usahawan kecil memulakan bisnes. Sumber pembiayaan boleh datang daripada:
 - **Derma & infak** – Sumbangan jemaah untuk membantu usahawan Islam.
 - **Kerjasama dengan institusi kewangan Islam** – Pinjaman mikro tanpa riba bagi peniaga kecil.
 - **Pinjaman Qardul Hasan** dari orang-orang berada

Firman Allah SWT,

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً

“Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah dengan pinjaman yang baik (Qardul Hasan), maka Allah akan melipatgandakannya untuknya dengan lipatan yang banyak...” (Surah Al-Baqarah, ayat 245)

- **Masjid Sebagai Pusat Rangkaian & Sokongan Usahawan**

Masjid boleh berfungsi sebagai pusat pertemuan dan jaringan perniagaan melalui:

- **Jaringan usahawan Muslim** – Menghubungkan peniaga Muslim dengan pelabur dan pelanggan.

- **Kerjasama strategik** – Menyambungkan usahawan dengan institusi zakat, wakaf, individu pemberi Qardul Hasan dan bank Islam.

6.4 Kolaborasi dengan institusi-institusi di sekitar masjid

Masjid bukan sekadar pusat ibadah tetapi juga pusat pembangunan masyarakat yang boleh menjadi pemangkin kepada pelbagai bentuk kolaborasi dengan institusi pendidikan, badan kebajikan, institusi kewangan Islam, agensi kerajaan, dan sektor perniagaan.

Kerjasama ini akan membantu masjid memperluaskan impaknya kepada masyarakat, meningkatkan keberkesanan program masjid, dan memperkukuhkan fungsi masjid sebagai pusat yang mengupayakan masyarakat unggul.

Allah SWT berfirman,

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan..." (Al-Ma'idah: 2)

Masjid perlu menjalin hubungan strategik dengan pelbagai institusi untuk mencapai matlamat sosial, ekonomi, pendidikan, dan pembangunan masyarakat unggul.

Institusi	Bidang Kolaborasi
Sekolah & Universiti	Pendidikan Islam, latihan guru, motivasi pelajar, program akademik.
Klinik dan Pusat Kesihatan	Pemeriksaan kesihatan, program gaya hidup sihat, kaunseling kesihatan mental.
Institusi Kewangan Islam	Program zakat, mikro kredit qardul hasan untuk Pembangunan usahawan.
NGO & Badan Kebajikan	Bantuan fakir miskin, bencana alam, program sosial.
Agensi Kerajaan	Bantuan dana pembangunan masjid, latihan profesional, kemasyarakatan.
Sektor Perniagaan	Keusahawanan Islam, pembangunan ekonomi komuniti, zakat perniagaan.

Kolaborasi dengan institusi di sekitar masjid akan memperkuat impak masjid dalam bidang pendidikan, kesihatan, ekonomi, dan kebajikan. Masjid akan menjadi pusat yang menghubungkan masyarakat dengan institusi-institusi yang dapat membantu mereka dari segi kewangan, pendidikan, dan kebajikan.

Ringkasnya, jika kita ingin membangunkan Masyarakat unggul, masjid perlu menjadi pusat kolaborasi yang menghubungkan pendidikan, ekonomi, dan kebajikan ummah.

6.5 Pusat ilmu dan penjana ilmu-ilmu baru

Masjid Quba, Masjid Nabawi dan masjid-masjid lain pada zaman awal Islam merupakan pusat pendidikan, khazanah ilmu dan bahkan pusat menjana ilmu-ilmu baru. yang berperanan dalam menyebarkan ilmu serta menghasilkan pemikiran baru dalam pelbagai bidang. Sejarah menunjukkan bahawa masjid adalah pusat pendidikan utama sejak zaman Rasulullah ﷺ, melahirkan ramai ulama yang menguasai pelbagai disiplin ilmu.

Dalam era moden, masjid perlu kembali berperanan sebagai pusat ilmu yang progresif, menggabungkan ilmu agama, sains, teknologi, dan kemanusiaan bagi membangunkan masyarakat Islam yang unggul.

Allah SWT berfirman,

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۚ وَاللَّهُ

"Allah akan meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan **orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat...**" (*Surah Al-Mujadilah, ayat 11*)

Peranan Masjid sebagai Pusat Ilmu

- **Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Masjid perlu menyediakan **kelas dan program pendidikan** yang berkualiti untuk semua peringkat umur. Di antara kursus-kursus ini ialah:

- Literasi **Quran & Hadis** – Pengajian asas dan lanjutan, bermula dari membaca, tajwid, taranum, tafsir dan bahasa Arab.
- **Kelas fiqh & sirah nabawiyah** – Pemahaman tentang hukum Islam dan sejarah Rasulullah ﷺ.
- **Kursus kemahiran hidup** – Pendidikan tentang ekonomi Islam, kesihatan, data raya (big data), AI dan teknologi moden yang lainnya.

- **Masjid sebagai Pusat Rujukan Ilmiah**

Masjid boleh membangunkan **perpustakaan Islam digital** yang mengandungi:

- Koleksi kitab tafsir, hadis, dan fiqh.
- Jurnal akademik Islam dan penyelidikan moden.
- E-book dan video kuliah agama & sains Islam.

- **Masjid sebagai Pusat Pembangunan Intelektual**

Masjid boleh menganjurkan:

- Forum dan wacana ilmiah tentang cabaran umat Islam.

- Dialog antara agama untuk meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat luar.
- Persidangan **Islam & inovasi** dalam bidang teknologi, ekonomi, dan sosial.

Masjid sebagai Penjana Ilmu Baru

- **Penyelidikan & Inovasi dalam Ilmu Islam**

- Masjid boleh menjadi pusat **penyelidikan dan pembangunan ilmu baru** dengan kerjasama universiti dan institusi Islam.
- Antara kajian yang boleh dikembangkan:
 - ✓ **Kajian fiqh moden** – Bagaimana Islam menangani isu semasa seperti ekonomi digital, kecerdasan buatan (AI), dan bioteknologi.
 - ✓ **Kajian peradaban Islam** – Mengkaji model pemerintahan, pendidikan, dan ekonomi Islam terdahulu untuk diterapkan dalam dunia moden.
 - ✓ **Sains dan Islam** – Meneliti hubungan antara ajaran Islam dan perkembangan sains moden.

- **Menyediakan Bengkel & Seminar Ilmu Interdisiplin**

Masjid boleh menjadi tempat **pertemuan ilmuwan, guru, dan pemikir Islam** untuk menghasilkan idea dan penemuan baru dalam pelbagai bidang seperti:

- **Ekonomi Islam** – Kajian mengenai kewangan tanpa riba, wakaf produktif, dan perniagaan patuh syariah.
- **Teknologi & Islam** – Kajian mengenai penggunaan AI dan big data dalam pengurusan masjid dan dakwah.
- **Sosial & kemasyarakatan** – Kajian mengenai psikologi Islam dalam menangani isu sosial seperti stres dan kebajikan keluarga.

Digitalisasi Ilmu Masjid

- **Plantar Pembelajaran Digital Masjid**

Masjid boleh membangunkan **sistem pembelajaran dalam talian** yang membolehkan jemaah mendapatkan ilmu dari mana-mana dan bila-bila masa sahaja.

- Kandungan yang boleh dimuat naik:
 - Video kuliah & tazkirah.
 - Kelas agama secara interaktif (Zoom, Google Meet).

- Makalah ilmiah & tafsir al-Quran.

Penggunaan Media Sosial untuk Sebaran Ilmu

- Masjid boleh menggunakan **YouTube, TikTok, Facebook & Instagram** untuk:
 - Berkongsi ilmu secara santai tetapi mendalam.
 - Menyebarkan mesej Islam yang sesuai untuk generasi muda.
 - Mengadakan sesi soal jawab agama secara langsung.
 - Live streaming kuliah-kuliah
 - Mengadakan pembelajaran berasaskan pertandingan membuat video klip berbentuk keilmuan.

Kolaborasi Masjid dengan Institusi Pendidikan

- Masjid boleh menjalin kerjasama dengan **universiti dan sekolah** dalam:
 - Penyelidikan akademik dan pembangunan ilmu Islam.
 - Penganjuran seminar dan bengkel keilmuan.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul

- Program mentor untuk pelajar dalam bidang fiqh, tafsir, dan sains Islam.
- Kolaborasi **dengan Perpustakaan Islam**

Mewujudkan **pangkalan data ilmu Islam** dengan koleksi manuskrip dan buku digital untuk kegunaan masyarakat.

Mewujudkan Institusi Keilmuan Berasaskan Masjid

- **Akademi Islam Berasaskan Masjid**

Masjid menjadi **akademi Islam**:

- Merangkumkan kuliah-kuliah menjadi satu kursus yang berkualiti
- Mengeluarkan sijil dengan micro-credential bagi setiap kursus

- **Pusat Latihan untuk Pendakwah & Guru**

Masjid boleh menjadi pusat **latihan guru agama dan pendakwah** untuk menyebarkan ilmu dengan lebih sistematik.

Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul



BAB 7

Seruan Bertindak

Masjid Quba merupakan masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah ﷺ dan menjadi model masjid ideal dalam membangun masyarakat Islam yang maju. Ia bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga pusat pendidikan, kebajikan, perpaduan, ekonomi, dan institusi yang membangunkan masyarakat unggul.

Allah SWT berfirman,

لَّمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ

"Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar takwa sejak hari pertama adalah lebih patut untuk engkau solat di dalamnya..." (At-Taubah: 108)

7.1 Ciri Utama Gagasan Masjid Quba

Gagasan Masjid Quba dibina atas beberapa ciri utama, iaitu:

Prinsip	Penerangan
1. Masjid sebagai Pusat Ibadah dan Takwa	Meningkatkan amalan ibadah, solat berjemaah, dan dakwah Islamiah.
2. Masjid sebagai Pusat Ilmu dan Pendidikan	Mengadakan kelas agama, pengajian al-Quran, serta ilmu akademik dan teknologi moden.

Prinsip	Penerangan
3. Masjid sebagai Pusat Kebajikan dan Sosial	Menyediakan bantuan untuk golongan asnaf, anak yatim, dan komuniti yang memerlukan.
4. Masjid sebagai Pusat Ekonomi Islam	Mewujudkan sistem infak yang cekap, program keusahawanan dan kredit mikro tanpa riba.
5. Masjid sebagai Pusat Perpaduan ummah	Mengukuhkan silaturahim antara umat Islam dan masyarakat sekeliling.
6. Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan	Menjadi pusat aktiviti dan pertemuan masyarakat
7. Masjid sebagai Pusat Pendidikan Murabbi	Menawarkan panduan dan latihan untuk menjadi guru cemerlang
8. Masjid sebagai Pusat Dakwah	Menjalankan dakwah dengan giat kepada orang-orang Islam yang belum sedar dan kepada orang-orang yang belum Islam
9. Masjid membangun Masyarakat unggul	Menjalankan program-program jarigan untuk membangun masyarakat unggul.

Adakah masjid anda mempunyai ciri-ciri ini?

7.2 Seruan kepada Pengurusan Masjid dan Ahli Kariah

Gagasan Masjid Quba dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik dengan melaksanakan beberapa langkah praktikal untuk menjadikan masjid sebagai pusat keilmuan, kebajikan,

ekonomi, perpaduan, dan kepemimpinan. Langkah-langkah ini akan memastikan pengurusan masjid lebih profesional, program yang dirancang dapat memberi manfaat kepada masyarakat, dan masjid menjadi institusi yang dinamik dan progresif dalam pembangunan masyarakat Islam.

Allah SWT berfirman,

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۖ

“Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta mendirikan solat, menunaikan zakat, dan tidak takut (kepada siapa pun) selain kepada Allah.” (At-Taubah: 18)

Di antara langkah-langkah penting yang perlu diambil ialah:

Memperkemaskan Pengurusan Masjid yang Profesional & Efektif:

- **Struktur Organisasi yang Jelas**
 - Lantik jawatankuasa pengurusan masjid yang profesional dan amanah.
 - Gunakan sistem pentadbiran moden dengan standard operasi (SOP) yang tersusun.
 - Wujudkan unit khas untuk pendidikan, kebajikan, ekonomi, belia, dan teknologi.

- **Digitalisasi Pengurusan Masjid**
 - Gunakan sistem pengurusan masjid digital untuk rekod keahlian, infak, dan program masjid.
 - Manfaatkan aplikasi dan media sosial untuk komunikasi dengan jemaah.
 - Manfaatkan sistem pembayaran elektronik (e-wallet, QR Pay, perbankan Islam) untuk memudahkan sumbangan infak kepada masjid.
- **Ketelusan dalam Pengurusan Kewangan Masjid**
 - Mewujudkan sistem akaun yang diaudit secara berkala.
 - Laporan kewangan masjid boleh dipaparkan di papan kenyataan atau laman web masjid untuk ketelusan.
 - Menubuhkan dana khas bagi pembangunan jangka panjang.

Menjadikan Masjid sebagai Pusat Pendidikan & Intelektual

- **Program Pendidikan Sepanjang Hayat**
 - Menyediakan kelas pengajian al-Quran, fiqh, tafsir, sirah dan hadis.

- Menganjurkan **seminar dan bengkel keilmuan** untuk remaja dan dewasa.
- Memperkenalkan **modul pendidikan Islam digital (e-learning, video kuliah, webinar)**.
- **Mewujudkan Perpustakaan Islam & Pusat Ilmu**
 - Mengumpul koleksi kitab tafsir, fiqh, sejarah Islam, dan buku akademik moden.
 - Mewujudkan arkib digital bagi rakaman ceramah dan kuliah agama.
 - Menyediakan ruang pembelajaran dan kajian ilmiah untuk pelajar universiti dan penyelidik.
- **Latihan Kepimpinan & Keterampilan Belia**
 - Menyediakan program kepimpinan dan dakwah untuk anak muda.
 - Melatih imam dan bilal muda untuk kesinambungan kepimpinan masjid.
 - Menganjurkan kem motivasi, kepimpinan, dan kemahiran hidup untuk belia.

Memperkasakan Masjid sebagai Pusat Kebajikan dan Sosial

- Program Bantuan Asnaf & Golongan Memerlukan
- Program Kaunseling & Rehabilitasi Sosial

Membangunkan Ekonomi Berasaskan Masjid

- Latihan keusahanan
- Menyediakan Pembiayaan Qardul Hasan untuk Usahawan

Menggalakkan Kolaborasi Masjid dengan Institusi Sekitar

- Kerjasama dengan Sekolah & Universiti
- Hubungan dengan Institusi Kewangan Islam
- Hubungan dengan Agensi Kerajaan & NGO

7.3 Visi Masjid Masa Hadapan

Ketik zaman awal Islam, masjid menjadi pusat kecemerlangan Islam dan transformasi masyarakat. Sepanjang sejarah Islam, masjid menjadi pusat pembentukan generasi cemerlang, melahirkan ulama, ahli sains, pemimpin, peniaga, dan masyarakat yang bertakwa serta berdaya maju.

Dalam zaman moden ini, masjid perlu kembali memainkan peranan utama dalam membangunkan masyarakat daripada aspek pendidikan, kepimpinan, ekonomi, kebajikan, perpaduan,

dan teknologi, menjadikannya sebagai institusi penggerak perubahan dan pembangunan ummah.

Kecemerlangan dapat dilihat daripada,


1. Masjid sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam
 - Masjid sebagai Pusat Ilmu Sepanjang Hayat
 - Pendidikan Masjid Digital
2. Masjid sebagai Pusat Transformasi Sosial dan Kebajikan
3. Masjid sebagai Pusat Ekonomi dan Keusahawanan
4. Masjid sebagai Pusat Perpaduan dan Kepimpinan Ummah
5. Masjid Memanfaatkan Teknologi sepenuhnya untuk pengurusan dan dakwah
6. Orang berlumba untuk menjadi sebahagian daripada kecemerlangan masjid dengan memberi infak yang banyak.



Gagasan Masjid Quba:

Membina Masyarakat Unggul

ISBN 978-629-95226-3-8



9 786299 522638

Masjid Bandar Seri Putera

(Paper back)